

**Sikap penggunaan RMP secara selamat dalam kalangan petani Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Negeri Selangor**

**ABSTRAK**

Sikap penggunaan racun makhluk perosak (RMP) secara selamat oleh petani memainkan peranan penting dalam tingkah laku penggunaan RMP secara selamat di ladang, namun hanya sedikit diketahui tentang pemboleh ubah ini. Kajian ini mengkaji sikap terhadap penggunaan RMP secara selamat dalam kalangan petani ( $n = 350$ ) TKPM, Selangor. Majoriti petani (96.0%) menggunakan RMP di ladang mereka. Pada skala 1 hingga 4, skor sikap ialah  $2.73 \pm 0.83$ , dan ini menunjukkan tahap sikap yang sederhana. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa bagi kesemua peraturan keselamatan penggunaan RMP yang dikaji, terdapat sebilangan responden yang bersikap negatif terhadap peraturan tersebut. Keadaan ini sepatutnya perlu diperbaiki kerana banyak hasil kajian telah membuktikan bahawa sikap mempengaruhi tingkah laku sebenar yang akan dilakukan. Oleh itu, amat penting sikap petani terhadap penggunaan RMP secara selamat ini perlu dipertingkatkan atau dalam erti kata lain perlu mengubah sikap yang negatif menjadi positif. Walau bagaimanapun, majoriti atau 86.4 peratus daripada responden bersikap positif terhadap peraturan keselamatan penggunaan RMP yang diukur ini. Penemuan ini menunjukkan bahawa kebanyakan petani berasa bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan diri mereka, orang lain dan juga alam sekitar. Dengan sikap yang sebegini, menunjukkan masih ada ruang yang mencukupi untuk penambahbaikan terhadap pembangunan strategi kesihatan yang berkesan bagi meningkatkan tingkah laku penggunaan RMP yang selamat. Oleh itu, pihak berkuasa harus meluangkan masa untuk mempromosikan budaya kerja yang selamat dalam kalangan petani melalui sokongan dan bimbingan, latihan kesihatan atau latihan semula dan perundangan.

**Katakunci:** Racun makhluk perosak; Sikap Penggunaan RMP secara selamat